

13 NOV 1996

Apec-Duta

FILIPINA SIAP SEDIA ANJURKAN MESYUARAT APEC, KATA DUTA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Semua persediaan siap dilakukan bagi menganjurkan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Subic Bay, Filipina, pada penghujung bulan ini, kata Duta Filipina ke Malaysia, Jose S. Brillantes, hari ini.

Beliau berkata semua jentera kerajaan telah digerakkan bagi memastikan kelancaran mesyuarat itu, yang merangkumi kawalan keselamatan, pengangkutan dan liputan media.

"Jika tunjuk perasaan berlaku, ia akan dapat dikawal dan kesannya juga sangat sedikit...ia tidak akan menjejaskan penganjuran mesyuarat Apec," katanya pada taklimat media mengenai Apec, di sini.

Beliau berkata semua pemimpin 18 negara anggota Apec akan menghadiri mesyuarat itu pada 25 Nov ini yang akan didahului dengan mesyuarat-mesyuarat peringkat pegawai kanan dan menteri.

Apec, ditubuhkan pada 1989, dianggotai oleh Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

"Bagi Filipina, (mesyuarat) ini merupakan kemuncak persediaan selama dua tahun dengan kami membelanjakan sebanyak 247 juta peso bagi menganjurkannya," katanya.

Brillantes berkata jumlah yang dilaburkan untuk mesyuarat itu tidak tinggi berbanding dengan kesan yang bakal dinikmati negaranya.

Beliau berkata mesyuarat itu juga merupakan satu peluang bagi negara-negara anggota mengadakan perbincangan dua hala antara satu sama lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan berleps ke Filipina pada 23 Nov ini untuk menghadiri mesyuarat itu.

-- BERNAMA

MAM NAK